

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Sunday, September 1, 2019 12:08 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Staf - Pesara UUM  
**Subject:** PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAAL HIJRAH 1441



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

01 SEPTEMBER 2019 / 01 MUHARAM 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



**UUM ONLINE:**

### **PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAAL HIJRAH 1441**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bersyukur kita ke hadrat Allah Azza wa Jalla kerana dengan rahmat dan inayah-Nya, dapat kita menyambut Maal Hijrah pada tanggal 1 Muharram 1441H dengan limpahan kemakmuran dan kesejahteraan.

Permulaan tahun hijriah ini merupakan suatu titik tolak yang sangat penting dalam sejarah kegemilangan Islam dengan berlakunya peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahualaihiwasallam dari bumi Makkah Al Mukarramah ke bumi yang penuh barakah dan bercahaya, iaitu Madinah Al Munawwarah. Saban tahun, kita pasti akan mengimbau peristiwa hebat ini untuk dijadikan teladan. Penghijrahan ini bukan sekadar untuk kepentingan diri dan dunia semata-mata, tetapi

bermatlamatkan rahmat dan keredaan Allah. Firman Allah Subhanahuwataala dalam surah Al-Ankabut ayat 26:

'Dan berkatalah Ibrahim: "Aku hendak berhijrah kepada Tuhanku, sesungguhnya Dialah jua yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana".

Islam merupakan agama yang membawa rahmat kepada semua makhluk. Islam mempromosikan kesatuan dan keamanan sejagat. Mengamalkan syariat Islam akan menatijahkan negara yang aman tenteram dan masyarakat yang bersatu padu serta sejahtera.

Sempena Maal Hijrah 1441, saya menyeru semua warga UUM agar mengambil iktibar untuk menyemarakkan perpaduan sesama kita. Marilah kita bersama-sama menggarap roh dan semangat hijrah Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bagi memberikan kita kekuatan dalam merealisasikan UUM sebagai institusi pendidikan yang cemerlang dalam melahirkan graduan yang berilmu dan berhemah tinggi.

Negara Rahmah Ummah Sejahtera

Salam Maal Hijrah

Naib Canselor UUM



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.